

# HUMS beri rawatan pemulihan kanak-kanak berkeperluan khas di Kudat

UB 17.09.2023 P.06

KUDAT: Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) menganjurkan Program KPT Prihatin Madani bersama Sanjungan Budi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) bagi rawatan pemulihan kanak-kanak berkeperluan khas di Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD), Kudat, pada Rabu.

Menurut Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor, program kali ini adalah untuk menghargai inisiatif murni pihak BPMB terhadap sumbangan yang diberikan dalam penyediaan rawatan pemulihan kanak-kanak berkeperluan khas.

"Program ini seajar dengan objektif utama penubuhan HUMS iaitu merintis perkhidmatan atau aktiviti kesihatan khusus untuk komuniti."

"Diharap keprihatinan ini menjadi satu momentum penting untuk memberikan sokongan dan rawatan yang berkualiti kepada penduduk luar bandar terutamanya kepada kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah."

"Ramai kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan rawatan seperti kelawatan perkembangan global (GDD), sindrom down dan



TINJAU: Dr. Rosalam (kiri) bersama tetamu kehormat lain melawat reraul rehabilitasi.

gangguan pembelajaran," katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Rosalam Sarbatly.

Beliau berkata, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seramai 589 kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah didiagnosis dengan Autism Spectrum Disorder (ASD) pada tahun 2021 berbanding hanya 99 kanak-kanak pada tahun 2010.

"Peningkatan yang ketara dari tahun ke tahun ini menunjukkan perlunya tindakan segera untuk mengenal pasti faktor penyebab dan sokongan yang lebih baik kepada kanak-kanak serta keluarga yang terjejas," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah HUMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang berkata, suntikan dana sebanyak RM36,000 oleh pihak BPMB telah meningkatkan pemberian rawatan kesihatan kepada kanak-kanak daripada 12 orang kepada 38 orang pesakit.

Beliau turut memaklumkan, sebahagian daripada sumbangan itu juga disalurkan bagi kursus Applied Behavior Analysis (ABA) untuk meningkatkan kemahiran perawat menjadi lebih berkualiti dan berkesan kepada lebih ramai keluarga B40 di sekitar Kudat.

Pada program itu juga, HUMS turut memberikan pelbagai perkhidmatan kepada-karuan dalam bidang kesihatan secara percuma kepada 143 orang terdiri daripada keluarga pesakit dan orang awam.